

Clinton: AS akan tumpu kepada ekon

la dasar luar bagi perkukuh kedudukan sebagai pemimpin dunia

SETIAUSAHA Negara Amerika Syarikat, Cik Hillary Clinton, berkata negaranya akan memberi tumpuan kepada ekonomi sebagai dasar ehwal luarnya dalam memperkuuh kedudukan sebagai pemimpin dunia.

Mengatakan bahawa kuasa tentera mungkin tidak lagi merupakan faktor utama bagi sebuah kuasa global, Cik Clinton berkata saiz pertumbuhan Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP) telah menjadi semakin penting.

"Buat julung-julung kali dalam sejarah moden, negara-negara kian menjadi kuasa global tanpa menjadi kuasa tentera global.

"Demi mempertahankan-

kan kepimpinan strategik kita di rantau ini, Amerika akan turut memperkuuh kepimpinan ekonominya.

"Kita akur, kekuatan ekonomi Amerika dan kepimpinan kita di merata dunia adalah satu perjanjian pakej," kata Cik Clinton.

Beliau berkata demikian ketika berucap di sebuah majlis di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) pagi semalam.

Cik Clinton menerangkan bahawa negaranya mempunyai rancangan menggabungkan Perkongsian Antara Pasifik yang dianggotai 11 negara dengan perjanjian perdagangan serantau yang lain untuk mengubah perdagangan di peringkat global.

Amerika, menurut beliau, akan menggunakan tenaga diplomatnya di 270 kedutaan dan konsulat untuk mengajukan firma-firma seperti Chevron, Boeing dan General Motors.

Cik Clinton berada di sini dalam rangka kunjungan rasmi dua hari.

Ucapannya itu diberi-


kan sehari sebelum Presiden Barack Obama diaduakan tiba di Asia Tenggara untuk lawatan tiga hari.

Awal pagi semalam, Cik Clinton menghadiri jamuan sarapan bersama Perdana Menteri, Lee Hsien Loong, di Istana.

Dalam jamuan itu, Encik Lee telah mengesahkan hubungan dua hala yang mesra dan mengalaukan komitmen berterusan Pentadbiran Encik Obama untuk mendekati rantau ini, terutama sekali dalam bidang ekonomi.

Encik Lee juga menyuarakan penghargaannya di atas peranan penting Cik Clinton untuk memastikan kehadiran berterusan dan meluas Amerika di rantau ini termasuk dalam bidang ekonomi.

Mereka juga bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa, termasuk inisiatif mengerakkan lagi kerjasama Amerika-Asean dan agenda Sidang Kemuncak Asia Timur yang akan datang.



ERATKAN HUBUNGAN:

Cik Clinton bersalaman dengan Encik Lee dalam pertemuan mereka di Istana pagi semalam. Kedua-duanya memberi komitmen mempererat hubungan dua hala. Encik Lee turut melahirkan penghargaannya di atas peranan penting Cik Clinton dalam memastikan kehadiran berterusan dan meluas Amerika di rantau ini.

- Foto ST